

12/07/1999

Tiada pertandingan sengit pilih pemimpin MCA

Johnny Giles Senin

HARI ini, penamaan calon bagi jawatan penting dalam MCA diadakan menjelang perhimpunan agung parti itu 17 Julai ini.

Pemilihan bagi pergerakan Pemuda dan Wanita MCA akan diadakan 16 Julai. Pemilihan bagi pucuk kepemimpinannya pula keesokannya selepas Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad merasmikan perhimpunan agung parti itu.

Seramai 2,411 perwakilan akan menentukan pucuk kepemimpinan kebangsaan parti itu. Seramai 1,595 pula adalah perwakilan ke perhimpunan agung pemuda dan 1,549 lagi Perhimpunan Agung Wanita.

Pemilihan pucuk kepemimpinan MCA adalah satu episod politik yang tidak kurang pentingnya. MCA ialah parti komponen Barisan Nasional (BN) kedua terbesar selepas Umno.

Walaupun tidak diramalkan sengit, pertandingan merebut beberapa jawatan penting dalam parti itu tidak dapat dielakkan.

Panduan pemilihan sudah diedarkan kepada semua ahli MCA sebelum pemilihan peringkat cawangan diadakan 18 April lalu, disusuli peringkat bahagian pada 16 Mei dan pemilihan jawatankuasa Pusat 17 Julai ini.

Dua peraturan penting yang perlu diberi perhatian dalam kod etika itu ialah larangan penggunaan politik wang serta tuduh menuduh atau mengkhianati antara calon.

Menjelang 17 Julai ini, pemerhati yakin jawatan Presiden dan Timbalan Presiden parti itu tidak akan pertandingkan kecuali empat jawatan Naib Presiden serta jawatan ketua pemuda dan wanita. Perebutan bagi jawatan naib presiden akan memperlihatkan pertandingan enam penjurur, termasuk empat penyandang jawatan itu. Penyandang jawatan itu ialah Datuk Ong Ka Ting, Datuk Chua Jui Ming, Datuk Fong Chan Onn dan Datuk Yap Pian Hon. Seorang lagi pencabar yang akan bertanding jawatan itu ialah Ketua Pergerakan Pemuda, Datuk Chan Kong Choy.

Penyandang, Ong, 43, Timbalan Menteri Dalam Negeri yang juga Ahli Parlimen kawasan Pontian dikatakan mempunyai pengaruh yang kuat di peringkat akar umbi parti. Kedudukannya dalam kerajaan banyak membantu beliau berperanan dalam menyelesaikan beberapa masalah yang dihadapi masyarakat Cina.

Bekas setiausaha politik Datuk Seri Ling Liong Sik itu berjaya mendekati ramai pemimpin lain di peringkat akar umbi. Beliau akan mempertahankan kerusi Naib Presiden itu untuk kali kedua. Beliau juga ialah Ketua Biro Chinese Guilds dan Persatuan Cina, MCA.

Chua, 56, Menteri Kesihatan, Ahli Parlimen kawasan Bakri, Johor adalah bekas peguam. Beliau sudah dua penggal menduduki kerusi Naib Presiden. Beliau adalah Pengerusi Biro Bahasa Inggeris serta Industri Kecil dan Sederhana MCA.

Fong, 53, Timbalan Menteri Pendidikan ialah Ahli Parlimen kawasan Selandar yang juga bekas Profesor Universiti Malaya (UM). Beliau sentiasa diberi liputan meluas oleh akhbar berbahasa Cina kerana peranan dan kedudukannya yang banyak membantu mengatasi masalah pendidikan masyarakat Cina. Ini memberikan beliau banyak publisiti di peringkat akar umbi. Pada pemilihan Julai ini adalah kali kedua beliau mempertahankan jawatan Naib Presiden itu.

Yap, 56, Ahli Parlimen kawasan Serdang, walaupun tidak menyandang sebarang jawatan dalam kerajaan, mendapat banyak liputan daripada akhbar tempatan khususnya akhbar berbahasa Cina kerana mempunyai hubungan yang

baik dengan wartawan tempatan. Beliau adalah bekas Ketua Pemuda, sebelum berjaya ke jawatan Naib Presiden pada 1990 dan ini adalah penggal keempatnya mempertahankan jawatan itu.

Pencabar mereka, Chan, 44, Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, ahli Parlimen Selayang yang juga ketua pergerakan itu sejak sembilan tahun lalu. Bekas pensyarah Universiti Putra Malaysia (UPM) ini juga dikatakan popular di peringkat akar umbi, malah kehadiran sebagai pencabar dikatakan mampu mengancam kedudukan penyandang lain.

Keseluruhannya setiap calon, sama ada yang mempertahankan atau mencabar mempunyai kekuatan yang tersendiri dengan peluang yang sama rata. Ini menjadikan pertandingan bagi jawatan Naib Presiden ini menarik.

Pertandingan juga dijangka lebih mencabar apabila Teng yang melepaskan sebagai ketua pergerakan wanita, tidak menolak kemungkinan akan bertanding bagi jawatan naib presiden.

Beliau sudah pastinya mempunyai pengaruh yang kuat di kalangan ahli wanita MCA setelah mengetuai sayap pergerakan itu sejak lima penggal lalu. Ini sekali gus memberikan beliau peluang yang sama seperti calon lain.

Tambahan pula dalam MCA, 36 peratus (302,787) daripada 830,000 ahlinya adalah wanita.

Dengan itu pemerhati percaya kehadiran Teng sebagai pencabar kepada penyandang yang ada dilihat sebagai satu perubahan yang mampu mewujudkan keseimbangan pada jawatan naib presiden itu.

Pendapat itu disokong Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik yang ingin melihat lebih ramai wanita memainkan peranan di semua peringkat dalam parti. Ini kerana menurut Dr Ling secara semula jadi wanita mempunyai sifat harmoni, pendamai serta mampu bertindak menstabilkan keadaan.

Bagaimanapun, beliau juga berpuas hati dengan pasukan dalam parti yang ada kini dan meminta supaya pemimpin yang ada sekarang dikekalkan.

Namun beliau tidak menolak akan berlaku pertandingan sambil menyatakan mungkin ada sedikit pertukaran atau perubahan jawatan dalam parti itu pada pemilihan kali ini.

Ini sekali gus memberi petunjuk memang akan ada pertandingan bagi beberapa jawatan tertinggi parti yang rasanya sudah mendapat restu daripada beliau.

"Pertandingan adalah proses biasa kerana kita mengamalkan demokrasi. Bagaimanapun, saya percaya tiada pertandingan sengit yang boleh menggugat parti akan berlaku," katanya.

Bagaimanapun, beliau menasihatkan semua ahli parti itu supaya berkompromi. Beliau juga mengingatkan ahli MCA supaya tidak melakukan sebarang perbuatan khianat antara satu sama lain, sebaliknya bekerjasama demi memelihara perpaduan parti.

"Pemilihan jawatan tertinggi mesti dilaksanakan dalam suasana paling harmoni dan sebarang perbezaan pendapat perlu diselesaikan mengikut cara kekeluargaan.

"Kita mesti berusaha melangkah lebih gagah ke hadapan, bukannya mencetus kekecohan kerana pilihan raya akan diadakan tidak lama lagi," katanya.

Ditanya mengenai kedudukan beliau dalam pemilihan parti kali ini, Dr Ling berkata:

"Tidak ada manusia yang sempurna. Tetapi apabila kita bergerak sebagai satu kumpulan manusia yang saling bantu membantu dan bekerjasama, serta saling mengatasi kelemahan satu sama lain, sudah pasti kita akan menjadi kumpulan yang kuat," katanya.

Bagaimanapun pemerhati politik yakin pada pemilihan kali ini, orang yang paling selamat kedudukannya ialah beliau (Dr Ling) kerana sehingga ini belum tampil seorang tokoh yang dilihat mempunyai keupayaan untuk menyainginya.

Di sayap Pergerakan Pemuda pula akan menyaksikan pertandingan bagi jawatan Ketua Pemuda yang dikosongkan berikutan Chan melepaskan jawatan itu untuk bertanding jawatan Naib Presiden.

Enam calon sudah menyuarakan hasrat untuk bertanding bagi jawatan itu. Bagaimanapun, melalui dasar perundingan yang diamalkan MCA empat daripada enam calon berkenaan berjaya dipujuk supaya tidak bertanding.

Mereka ialah Exco Melaka, Datuk Poh Ah Tiam (Timbalan Ketua Pemuda kini); Exco Selangor, Datuk Tang See Hang; Ahli Parlimen Seremban, Datuk Hon Choon Kim dan Ketua Pemuda Selangor, Datuk Ch'ng Toh Eng.

Dengan itu pada pemilihan itu nanti, Setiausaha Agung Pemuda, Datuk Ong Tee Kiat, Ahli Parlimen kawasan Ampang Jaya yang juga Timbalan Speaker Dewan Rakyat dijangka berentap dengan Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Loke Yuen Yow yang juga ahli Parlimen Tanjung Malim bagi jawatan itu.

Kedua-duanya tidak kurang hebatnya, cuma Loke adalah `orang dari luar Pemuda', keadaan itu berlainan dengan Ong. Apa pun, peluangnya adalah sama dan jika diberi peluang pemerhati percaya kedua-duanya mampu mengetuai sayap parti dengan baik.

Bagi sayap Pergerakan Wanita juga dijangka menyaksikan pertandingan dua penjurua antara Timbalan Ketuanya kini, Dr Tan Yee Kew dengan Setiausaha Agungnya, Datuk Dr Ng Yen Yen yang juga Ketua Pergerakan Wanita Pahang.

Kedua-duanya tidak kurang hebatnya, fasih berbahasa Melayu dan Inggeris selain dialek bahasa Cina yang lain.

Selain itu, terdapat 25 jawatan lain yang perlu diisi termasuk jawatankuasa dewan tertinggi MCA.

Pemilihan seharusnya berlangsung tanpa dipengaruhi oleh mana-mana pihak kerana soal penentuan siapa yang akan menerajui sayap Pemuda, Wanita dan menduduki empat kerusi naib presidennya adalah agenda yang hanya boleh diputuskan oleh perwakilan.

Perwakilan perlu ingat bahawa wakil yang mereka lantik seharusnya mampu memimpin dan bukan disebabkan mereka digemari pucuk kepimpinan parti.

Keputusan pemilihan adalah di tangan perwakilan dan bukan kehendak pemimpin tertingginya.

Sementara itu, Setiausaha Agung MCA, Datuk Dr Ting Chew Peh yang juga Pengerusi Jawatankuasa Pemilihan pula mengingatkan calon yang bertanding supaya tidak menggunakan politik wang atau memburuk-burukkan sesama sendiri.

Beliau mengingatkan semua calon supaya mematuhi peraturan pertandingan seperti yang ditetapkan dalam Kod Perilaku Pemilihan Parti 1999 bagi memastikan proses pemilihan berjalan lancar dan adil.

(END)